

Bajet 2009: Garis Panduan Untuk Permohonan Pengecualian Cukai Jualan Ke Atas Bas Siap Termasuk Penyaman Udara Yang Dipasang Dalam Negara Bagi Pengusaha Bas

Pengenalan

Dalam Bajet 2009 pengusaha bas diberi pengecualian cukai jualan ke atas bas siap termasuk penyaman udara yang dipasang dalam negara dengan tujuan mengurangkan kos operasi.

Pengusaha bas sendiri yang ingin membeli komponen bas utama berikut untuk dipasang oleh pengilang/pemasang bas layak mendapat pengecualian cukai jualan

- i. *chasis fitted engine*; dan
- ii. penyaman udara

Pihak Yang Layak

Pengusaha bas ekspres, bas henti-henti, bas sekolah bas persiaran, bas pelancongan dan bas pekerja yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP)

Prosedur Permohonan

- i. Pengusaha bas hendaklah mendapatkan surat pengecualian cukai daripada Kementerian Kewangan bagi melayakkan mereka membeli *chasis fitted with engine* dan penyaman udara tanpa cukai jualan;
- ii. Setiap permohonan surat pengecualian hendaklah disokong dengan salinan Surat Tawaran Kelulusan (STK) sama ada daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP); dan
- iii. Melengkapkan borang BAC/PB/2008(pin-1) dan hantar kepada-

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Analisa Cukai
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2
62592, PUTRAJAYA
(u.p. Encik Abdul Kadir bin Maidin Pichay)

Telefon: 03-8882 3595
Faks : 03-8882 3885
E-mel : kadir.maidin@treasury.gov.my

Kelulusan adalah tertakluk kepada syarat berikut-

- i. Bas hendaklah didaftarkan atas nama pengusaha bas dan disenaraikan dalam *inventory list* pengusaha bas bagi tujuan pemeriksaan pihak kastam;
- ii. Surat kelulusan ini hendaklah dibawa bersama semasa proses pendaftaran kenderaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); dan
- iii. Kelulusan pengecualian ini juga boleh dimansuhkan pada bila-bila masa oleh Menteri Kewangan tanpa memberi apa-apa sebab dan pihak yang berkenaan dikehendaki membayar balik cukai jualan yang diberi semasa pengecualian seolah-olah tiada pengecualian cukai diberi.

Tempoh Pengecualian

Pengecualian yang diberikan berkuat kuasa mulai **30 Ogos 2008** hingga **31 Disember 2016**.

BORANG BAC/PB/2008(Pin-1)

PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI JUALAN KE ATAS BAS SIAP TERMASUK PENGHAWA DINGIN BAGI PENGUSAHA BAS

NAMA PENGUSAHA BAS :

NO.LESEN SPAD/MOTOUR :

BILANGAN BAS YANG DICADANG UNTUK DIBELI :

TEMPOH SAH LESEN :

BIL.	KETERANGAN PERALATAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI	KUANTITI	NAMA PENGELUAR/PEMASANG	JANGKAAN TARIKH PEMBELIAN	HARGA(RM)	JUMLAH CUKAI JUALAN(RM)
1.	Chasis fitted with engine No. Chasis: No.Enjin :					
2.	Penyaman Udara					
JUMLAH BESAR			JUMLAH BESAR			

**SENARAI SEMAK BAGI PERMOHONAN PENGECUALIAN CUKAI KE
ATAS BAS SIAP TERMASUK PENYAMAN UDARA BAGI PENGUSAHA
BAS**

DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

1. Surat permohonan daripada pengusaha bas
2. Borang BAC/PB/2008(pin-1) yang lengkap dengan nombor chasis
dan nombor enjin
3. Salinan Surat Tawaran Kelulusan (STK) daripada SPAD atau LPKP
4. Salinan purchase order/ buying order/resit deposit